



PEJABAT MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(WILAYAH PERSEKUTUAN)

KENYATAAN MEDIA

TIADA KOMPROMI BAGI PREMIS PERNIAGAAN DI KUALA LUMPUR YANG MENYEWAKAN LESEN DAN MENGAJI PENDATANG ASING TANPA IZIN

Saya maklum dan berterima kasih kepada Pasukan Gerakan Am (PGA), Polis Diraja Malaysia atas tindakan menyerbu dan menangkap pendatang asing tanpa izin (PATI) di Jalan Silang, Kuala Lumpur dua hari lalu.

Saya juga telah mengarahkan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) untuk melaksanakan tinjauan dan pemantauan berkala terhadap premis-premis perniagaan di sekitar Kuala Lumpur bagi memastikan isu seperti penyewaan lesen perniagaan kepada warga asing tanpa dokumen yang sah dan pengambilan pekerja dalam kalangan PATI dapat dibanteras sebaiknya.

Para pemilik premis perniagaan diingatkan agar mematuhi segala peraturan yang telah ditetapkan oleh DBKL, khususnya melibatkan PATI bagi mengelakkan risiko penarikan atau penggantungan lesen perniagaan masing-masing.

Saya menyeru semua pemilik premis di Kuala Lumpur untuk menggunakan saluran yang betul jika berhasrat untuk mengambil pekerja asing dan mengelak dari menggajikan pendatang asing tanpa izin.

DR. ZALIHA MUSTAFA

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (WILAYAH PERSEKUTUAN)

23 DISEMBER 2023